

~~UCAPAN: ADMO~~

~~394 - 13/80~~

28

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SELAKU PEMANGKU
PRESIDENT UMNO MALAYSIA, MERANGKAP
KETUA UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHARU,
DI MESYUARAT PERWAKILAN UMNO
BAHAGIAN JOHOR BAHARU, DI KOMPLEKS
PERBAGAI GUNA LARKIN, JOHOR BAHARU,
PADA HARI KHAMIS 5HB. MEI, 1978
JAM 10.00 PAGI.

YAB Dato Tan Sri Haji Othman Saat,
Menteri Besar Johor merangkap
Ketua Perhubungan UMNO Negeri.

YB Puan Hajjah Hasnah,
Timbalan Ketua UMNO Bahagian Johor Baharu.

Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah

Subhanahu Wataala kerana dengan limpah
rahmat dan izinNYA dapat kita sekalian
mengadakan Mesyuarat Perwakilan pagi ini.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih
kepada ahli-ahli UMNO Bahagian ini di atas
penghormatan yang telah diberikan kepada

kepada saya sebentar tadi. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada setiap ahli di atas kerjasama dan sokongan serta kepercayaan yang telah diberikan kepada pucuk pimpinan Bahagian ini yang telah bersama-sama menunai dan menjalankan tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ketua UMNO Bahagian ini. Dengan sokongan, kerjasama dan persefahaman yang kukuh dan rapat UMNO Bahagian Johor Baharu telah dapat bergerak menjalankan peranannya dengan licin dan baik.

2. Saya sungguh menghargai dan menjunjung tinggi diatas keyakinan dan kepercayaan serta kerjasama dan sokongan setiap pemimpin dan ahli UMNO Bahagian ini. Walaupun saya jarang-jarang dapat menghadiri mesyuarat Bahagian dan tidak dapat mengadakan perjumpaan-perjumpaan di Cawangan-cawangan, saya sentiasa mengikuti segala perkembangan dan kemajuan dalam Bahagian UMNO Johor Baharu. Saya penuh yakin dengan panduan dan bimbingan pemimpin-pemimpin Bahagian dan Cawangan-Cawangan serta nasihat dan petunjuk dari

Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, PERPADUAN UMNO Bahagian ini sentiasa teguh dan kukuh. Demikianlah juga dengan perpaduan di kalangan semua Bahagian diseluruh Negeri Johor serta juga dalam Barisan Nasional Negeri ini. Saya berikrar akan sentiasa memelihara dan mengekalkan perpaduan dalam UMNO dan juga dalam Barisan Nasional bukan sahaja di Negeri Johor ini bahkan di seluruh negara.

3. Sewajarnya Bahagian Johor Bahru dimana saya menjadi Ketuanya dan Negeri Johor

seluruhnya menunjukkan contoh-auladan yang baik. Kita mestilah sentiasa sedar bahawa dengan wujudnya perpaduan dan persefahaman di kalangan pemimpin dan ahli UMNO dan seterusnya di kalangan ahli parti-parti anggota sekalian, kita tentu dapat mengekalkan keyakinan dan kepercayaan rakyat khususnya pengundi-pengundi yang telah memberi mandat kepada kita. Kepercayaan dan keyakinan rakyat ini hendaklah sama-sama kita pelihara pada setiap masa, lebih-lebih lagi apabila menghadapi pilihanraya. Disamping mengekalkan perpaduan parti, memelihara kepercayaan

dan keyakinan rakyat, kita hendaklah juga mengemaskan jentera parti di semua peringkat.

4. Dalam hubungan ini saya sukalan mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada UMNO Negeri Johor khusus kepada Dato Tan Sri Haji Othman Saat di atas dayausahanya menjalankan beberapa langkah bagi memastikan kelicinan dan kesempurnaan jentera pentadbiran parti di setiap peringkat. Sesungguhnya ini adalah satu langkah yang bijak sebagai menyahut seruan pucuk pimpinan supaya parti mesti bersiap sedia seolah-olah

kita akan menghadapi tentangan hebat dari parti lawan dalam pilihanraya akan datang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Sekalipun parti kita teguh dan kukuh dan kita mempunyai penuh keyakinan bahawa rakyat jelata sentiasa menyokong parti kita dan sentiasa bersimpati dengan perjuangan parti kita, tetapi kita mestilah sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dalam pilihanraya yang akan datang ini. Dengan jalan ini apa jua dugaan

atau cabaran yang akan dihadapkan kepada kita dan kepada parti kita, akan dapat kita atasi dengan penuh ketabahan hati. Lebih-lebih lagi di Negeri Johor di mana perpaduan sentiasa wujud dalam kedua-dua parti dan gabungan iaitu UMNO dan Barisan Nasional, dugaan dan cabaran seperti ini mungkin di datangkan atau ditimbulkan bagi menguji kekukuhan dan perpaduan kita.

6. Saya sukalah mengingatkan ahli-ahli UMNO Bahagian Johor Bahru khususnya, Negeri Johor lainnya dan lain-lain Bahagian di seluruh

tanah air, supaya sentiasa berwaspada dengan anasir-anasir yang sentiasa berikhtiar, menghancurkan perpaduan yang telah sedia terjalin dalam UMNO selama ini, dan juga dalam Barisan Nasional. Kita mestilah berhati-hati supaya sebarang perbuatan dan tindak-tanduk kita, tidak akan menolong anasir-anasir ini mencapai niat jahat mereka itu.

7. Memanglah terdapat segulungan kecil dalam UMNO sendiri yang merasa tidak puas-hati dengan keputusan pucuk pimpinan parti dan tindakan Kerajaan. Tetapi kita mestilah

sedar bahawa sebagai sebuah parti yang terbesar dan yang tertua, yang mendokong Barisan Nasional serta memegang teraju pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan ~~kebany-~~
~~kan~~ Kerajaan-Kerajaan Negeri, UMNO mestilah patuh kepada perjuangannya bagi menghasilkan cita-cita kebangsaan, hasrat negara dan harapan rakyat jelata. UMNO tidak boleh dan tidak akan memperjuangkan kepentingan segulungan kecil ahlinya.

8. Rakyat termasuklah kaum bukan Melayu telah meletakkan harapan dan kepercayaan penuh

kepada pucuk pimpinan parti bagi mencapai
matalamat perjuangan parti seperti yang
termaktub dalam Perlembagaan UMNO. ~~iaitu:-~~

- : Memelihara dan mempertahankan
kemerdekaan, kedaulatan dan
keperibadian Malaysia;
- : Mendukung Perlembagaan dan
mempertahankan perinsip-perinsip
yang terkandung di dalamnya,
terutama mengenai Ugama Resmi
iaitu Islam, Kedaulatan Raja2 Melayu,
Bahasa Kebangsaan, hak-hak asasi

dan hak-hak istimewa orang Melayu dan
Bumiputra;

:Berusaha mempertahankan, menegak
dan mengembangkan Islam, Ugama
Resmi Negara dan membenarkan
kebebasan berugama;

:Berikrar bagi mengawal, memelihara
dan mengekalkan asas-asas peme-
rintahan demokrasi;

:Berusaha untuk melahirkan satu
bangsa yang kuat dan bersatupadu;

:Menjalankan segala rupa ikhtiar bagi kemajuan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli, rakyat Melayu dan Bumiputra khasnya serta rakyat Malaysia 'amnya; dan

:Berusaha bagi mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

9. Dalam memperjuangkan matalamat dan cita-cita kebangsaan inilah maka terdapat gulungan kecil dalam UMNO yang mendakwa

bahawa pucuk pimpinan telah lari dari asas dan landasan perjuangan parti yang telah ditetapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Saya sungguh tidak faham apakah yang sebenarnya/dimaksudkan oleh golongan kecil ini. Bukankah setiap keputusan yang telah dibuat merupakan hasil kata sepakat pucuk pimpinan parti setelah menimbangkan serta mengambil perkiraan segala keburukan dan kebaikan kepada parti dan ahli-ahlinya.

Demikianlah juga dengan tindakan Kerajaan

bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Saya sukalah menegaskan di sini bahawa

sebarang tindakan yang diambil oleh Kerajaan

adalah mengikut peraturan undang-undang dan

ianya diambil demi kepentingan dan keselamatan

negara dan rakyat seluruhnya.

11. Sebagai Ketua Kerajaan, saya bersama-

sama dengan Menteri-Menteri UMNO dalam

Jema'ah Menteri adalah bertanggungjawab

~~bukan sahaja kepada ahli-ahli UMNO bahkan~~

~~kepada rakyat seluruhnya; dan bukan sahaja~~

~~bertanggungjawab di dunia ini bahkan bertanggung-~~

jawab kepada ALLAH Azza-wajalla di akhirat juga. Segala tindakan dan perbuatan saya yang tidak adil dan tidak jujur di dunia ini dalam menjalankan pentadbiran negara akan dipersoal dan dihakimkan di akhirat kelak. Oleh itu saya mestilah bertindak secara jujur dan adil kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat dan rakyat dan bukanlah untuk kepentingan segulungan kecil ahli-ahli parti atau orang-orang perseorangan sahaja.

12. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa setiap tindakan yang jujur yang berasaskan kepada kepentingan rakyat jelata, faedah dan kebajikan masyarakat umum serta keselamatan negara akan dapat mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan bukan sahaja di kalangan ahli-ahli UMNO sendiri bahkan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan rakyat seluruhnya terhadap parti dan Kerajaan.

Itulah sebabnya saya selalu berhati-hati dalam sebarang tindakan atau sebelum mengambil satu-satu keputusan kerana setiap satu yang dilakukan oleh saya akan melibatkan ~~jiwa~~

~~berjuta-juta~~ rakyat, ~~la juga melibatkan~~
maruah dan peribadi ~~Kerajaan dan~~ Negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Bagi memastikan supaya kepentingan, kebajikan dan keselamatan rakyat jelata sentiasa terjamin dan supaya rakyat berbilang kaum dapat kekal hidup dalam aman dan makmur, Kerajaan mestilah bersikap tegas, adil dan saksama. Setiap warganegara tidak kira dari apa kaum atau keturunan mestilah diberi layanan dan perhatian yang sama dalam apa jua

bidang dan lapangan. Cabaran besar yang kita hadapi sekarang ini ialah menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru.

15. Sebagaimana saya selalu nyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada tiga faktor penting, iaitu kedudukan ekonomi yang kukuh dan terus berkembang serta keadaan keselamatan dan politik negara yang stabil. Perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dapat menjamin kestabilan keselamatan

politik yang boleh memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi negara. Dengan ini bermaknalah bahawa PERPADUAN adalah faktor utama bagi mencapai kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

16. Saya sungguh merasa bangga kerana Negeri Johor mempunyai ketiga-tiga faktor penting ini. Di bawah pimpinan Datò Tan Sri Haji Othman Saat perpaduan sentiasa wujud di kalangan rakyat berbilang kaum serta di kalangan ahli-ahli dan pemimpin parti

anggota Barisan Nasional di negeri ini. Dengan jentera pentadbiran dan jentera pelaksanaan yang tersusun maka pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di Negeri Johor pasti dapat mencapai kejayaan yang lebih memuaskan. Saya menggesa setiap pemimpin yang terlibat dalam jentera pentadbiran serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mengendalikan jentera pelaksanaan supaya melipatgandakan usaha dan tenaga mereka bagi membolehkan rakyat terutama golongan yang miskin menikmati faedah dan matlamat kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga dan

Dasar Ekonomi Baru.

17. Memang benar masalah kemiskinan bukanlah merupakan perkara yang mudah dilaksanakan atau yang boleh dibasmikan dengan cepat. Dalam usaha kita mengurangkan tekanan dan bebanan kemiskinan di kalangan rakyat, Kerajaan telah dapat sebanyak sedikit meninggikan asas dan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Mereka yang tidak bertanah telah pula dapat ditempatkan dalam rancangan-rancangan tanah. Kerajaan juga telah dapat mengadakan kemudahan-kemudahan bagi meningkatkan keadaan hidup rakyat jelata

menerusi penyediaan bekalan air dan letrik, persekolahan, perubatan, perumahan dan juga jalanraya. Banyak peluang-peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan dalam sektor pertanian moden dan industri yang berasaskan pertanian serta lain-lain industri yang berkaitan dengannya terutama industri pembuatan.

18. Dalam bidang pembangunan pertanian tradisional beberapa projek seperti sekim pengairan, tanaman semula, pemulehan tanah, tanaman selingan dan sistem pemasaran yang baik telah atau sedang diselenggarakan bagi

membantu petani dan pekebun-pekebun kecil meningkatkan paras pendapatan mereka.

Sehingga ke masa ini Kerajaan telahpun dapat memberi bantuan tanaman semula getah seluas hampir 600 ribu ekar serta 100 ribu ekar tanaman semula dan pemulahan kelapa, 30 ribu ekar tanaman tembakau, 23 ribu ekar tanaman selingan dengan koko, kopi dan nenas, serta menyelenggarakan pengairan baru untuk faedah 240 ribu ekar kawasan padi. Sesungguhnya banyak lagi projek dan rancangan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang boleh

memberi faedah kepada rakyat jelata.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

19. Sebagaimana yang telah diumumkan bahawa Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$3 ribu juta untuk projek dan rancangan yang dianggap penting yang perlu dilaksanakan segera. Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sedang mengkaji permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh negeri-negeri, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang hendak mendapatkan

peruntukan tambahan rancangan dan projek seperti ini. Sementara itu peruntukan untuk beberapa projek dan rancangan yang penting telah pun diberikan. Ini termasuklah sebanyak \$33.544 juta bagi melaksanakan rancangan dan projek dalam kawasan Johor Tenggara. Projek dan rancangan yang akan dijalankan itu ialah pembinaan jalanraya, pembangunan kemajuan tanah bagi tanaman kelapa sawit, getah dan lada hitam, projek ternakan lembu di Sisek, dan lain-lain kemudahan sosio-ekonomi bagi rakyat di kawasan tersebut.

20. Kerajaan Persekutuan akan cuba mengadakan peruntukan tambahan yang lebih banyak lagi kepada negeri-negeri selepas meneliti laporan kajian pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan selepas mengkaji prestasi, kemampuan dan keupayaan tenaga dan jentera pelaksanaan tiap-tiap sebuah negeri. Sebagaimana yang selalu saya tegas dan jelaskan bahawa keutamaan akan diberi kepada projek dan rancangan yang boleh mendatangkan faedah dan kesan yang segera dan meluas kepada rakyat khususnya penduduk-penduduk kawasan Tuarbandar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Berbalik kita kepada Mesyuarat Perwakilan ini saya harap para perwakilan dapatlah membincangkan segala masaalah yang dihadapi oleh Bahagian ini khususnya dan orang Melayu amnya dengan perasaan dan semangat penuh persefahaman. Mesyuarat kali ini memanglah penting kerana para perwakilan akan memilih Timbalan Ketua dan ahli-ahli Jawatankuasa yang lain bagi tempoh dua tahun yang akan datang. Saya tidaklah berhajat menyentuh mengenai pemilihan

ini kerana tiap-tiap perwakilan telah pun matang dan mempunyai pengalaman luas serta faham di atas aturan dan peraturan sistem demokrasi yang diamalkan dalam parti.

Sekadarkan saya sukalah menasihatkan supaya perpaduan dan persefahaman mestilah diwujudkan semula dalam Bahagian ini selepas keputusan diumumkan. Ini adalah penting kerana kita pada bila-bila masa sahaja akan menghadapi pilihanraya dan ahli-ahli UMNO mestilah pelihara dan kekalkan perpaduan bagi mengukuhkan barisan.

22. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin cawangan di atas kepercayaan dan keyakinan untuk terus mencalon dan memilih saya menjadi Ketua Bahagian ini. Sebenarnya saya telahpun melahirkan hasrat saya, dua tahun yang lalu, supaya tidak dicalunkan lagi dalam jawatan Ketua, kerana saya mendapati amat sukar melapangkan masa menunaikan kewajipan dan tanggungjawab ini. Saya tidak dapat memberi pimpinan yang berkesan dan berfaedah kepada Bahagian ini disebabkan tugas-tugas saya yang lain. Saya harap para perwakilan memahami

kedudukan saya ini. Oleh itu sebaik-baik sahaja keadaan mengizinkan saya sukalah menyerahkan tugas dan tanggungjawab Ketua Bahagian ini kepada pemimpin tempatan yang boleh bergiat cergas sepenuh masa memberikan khidmat baktinya kepada ahli-ahli dan rakyat jelata di kawasan ini.

23. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

24. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru ini dibuka dengan resminya.

Terima kasih.





No Siri 363
No Penerimaan 153/80